

Terpaksa berdepan pelbagai cabaran hidup berbanding orang lain

OKU rayu PTPTN jadi biasiswa


SAYA adalah seorang mahasiswi orang kelainan upaya (OKU) yang telah menamatkan pengajian sebelum sidang akademik 2010/2011.

Saya ingin merayu pada pihak kerajaan bagi membantu saya dan mahasiswa-mahasiswi OKU menyelesaikan masalah pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Negara (PTPTN).

Oleh kerana terpaksa berhadapan dengan pelbagai cabaran hidup yang jauh lebih mencabar berbanding dengan orang lain, kami lebih-lebih lagi yang datang dari keluarga kurang berada sememangnya menghadapi masalah kewangan untuk membayar balik pinjaman tersebut.

Kami ingin meminta jasa baik pihak kerajaan untuk membantu kami dengan menukarkan status pinjaman PTPTN kami itu kepada biasiswa.

Sememangnya kerajaan telah

 Sikap majikan yang tidak mahu menggaji OKU, persekitaran tempat kerja yang kurang mesra OKU, masalah pengangkutan, kurangnya sokongan sosial daripada pekerja-pekerja lain dan masalah kesihatan telah menyebabkan kami sukar mendapat pekerjaan.

mula memberi bantuan kewangan kepada OKU yang belajar sepenuh masa di IPT sejak tahun 2004.

Namun, elaun wang saku berjumlah RM300 sebulan adalah tidak mencukupi bagi kami melanjutkan pelajaran. Bagi OKU yang berijazah pada atau sebelum tahun 2004 pula, mereka langsung tidak mendapat sebarang bantuan kewangan. Oleh itu, kami terpaksa membuat pin-

jaman dengan pihak PTPTN untuk meneruskan pelajaran agar kami mempunyai masa depan yang lebih cerah.

Kami sememangnya bersyukur kerana berpeluang melanjutkan pelajaran dengan adanya pinjaman tersebut. Kami juga sedar akan tanggungjawab untuk membayar balik pinjaman tersebut mengikut masa yang dijadualkan selepas menamat-

kan pengajian.

Namun apakah daya kami untuk membayar balik pinjaman tersebut. Selepas menamatkan pengajian, kami terpaksa berhadapan dengan cabaran hidup yang jauh lebih mencabar.

Kami terpaksa menghadapi kesukaran untuk mendapatkan pekerjaan walaupun mempunyai ijazah.

Sikap majikan yang tidak mahu menggaji OKU, persekitaran tempat kerja yang kurang mesra OKU, masalah pengangkutan, kurangnya sokongan sosial daripada pekerja-pekerja lain dan masalah kesihatan telah menyebabkan kami sukar mendapat pekerjaan.

Bagi kami yang berpeluang bekerja pula, ada antara kami terpaksa memegang jawatan yang lebih rendah daripada kelayakan kami atau hanya bekerja secara kontrak selain

menghadapi cabaran-cabaran lain untuk bekerja. Kami juga lebih cenderung dibuang kerja sekiranya majikan terpaksa mengurangkan pekerja.

Kami sangat berharap pihak kerajaan khususnya Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin dapat membantu kami yang telah menamatkan pengajian di IPT khususnya yang datang dari keluarga kurang berada untuk menyelesaikan masalah pinjaman PTPTN kami.

Kami berharap agar kerajaan dapat membantu kami dengan menukarkan pinjaman tersebut kepada biasiswa. Kami amat berterima kasih sekiranya pihak kerajaan sudi membantu kami.

TAN
Pulau Pinang



KENYATAAN AKHBAR

PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL (PTPTN)

PENUKARAN PINJAMAN KEPADA BIASISWA UNTUK OKU

Aduan daripada Tan, Pulau Pinang melalui akhbar Utusan Malaysia pada 6 Jun 2011 adalah dirujuk.

Untuk makluman, dasar sedia ada telah memberikan pengecualian bayaran balik pembiayaan pendidikan PTPTN kepada pelajar yang menamatkan pengajian Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian Kelas Pertama atau setaraf dengannya bermula 1 Januari 2010..

PTPTN turut prihatin dan memahami kesukaran pengadu di kalangan orang kelainan upaya (OKU) untuk mendapatkan pekerjaan selepas menamatkan pengajian. Sebagai langkah sementara, PTPTN bersedia menimbang penangguhan bayaran balik. Peminjam yang terlibat dinasihatkan untuk mengemukakan rayuan penangguhan bayaran balik untuk pertimbangan PTPTN.

Dengan langkah ini, diharap kesulitan yang dinyatakan oleh pengadu dapat membantu mengurangkan beban yang ditanggung. Maklumat lanjut boleh diperolehi melalui laman web www.ptptn.gov.my atau menghubungi talian Hotline PTPTN di 03-2080 4455.

Sekian, terima kasih.

Rina binti Abd Rahman

Pegawai Perhubungan Awam, PTPTN